

Teks Ucapan Perasmian

**PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA
PERINGKAT AKHIR 2014**

OLEH

**YB DATUK HJ FADILLAH BIN HJ YUSOF
MENTERI KERJA RAYA**

12 JUN 2014 (KHAMIS)

**CIDB CONVENTIONAL CENTRE
AKADEMI BINAAN MALAYSIA
WILAYAH TENGAH**

Terima kasih saudara pengacara majlis.

Yang Berhormat Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kerja Raya

Yang Berbahagia Datuk Himmat Singh
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali
Pengerusi CIDB Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim,
Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan, puan-puan, para peserta
Pertandingan Kemahiran Malaysia dan seterusnya sidang hadirin yang
dihormati sekalian.

***Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera
dan Salam 1Malaysia.***

1. Terlebih dahulu, izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya kita semua dapat hadir ke Majlis Perasmian Pertandingan Kemahiran Malaysia kali ke-23 ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan majlis pada pagi ini.

2. Ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Akademi Binaan Malaysia serta semua agensi dan institusi yang terlibat termasuk pihak penaja yang telah bersama-sama berganding bahu menjayakan pertandingan PKM atau kini dikenali sebagai WorldSkills Malaysia pada kali ini.

3. Penganjuran pertandingan seperti ini adalah sebahagian daripada inisiatif dan iltizam Kerajaan untuk mencungkil bakat, kreativiti dan daya inovatif serta keazaman mencetus nilai tambah di kalangan pelatih-pelatih di pusat latihan industri dan kemahiran di seluruh negara. Usaha sebegini diharap dapat melahirkan kumpulan tenaga kerja mahir ke arah memacu industri berasaskan kemahiran, setanding dan setaraf dengan pencapaian di negara-negara maju.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Senario Negara

4. Seperti yang kita sedia maklum, Bank Dunia telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-6 daripada 189 negara dalam "*Ease of Doing Business 2014 Report*" berbanding tempat ke-12 bagi tahun 2013. Selain itu, menurut "*2014 World Competitiveness Yearbook Report*", Malaysia diiktiraf sebagai negara ke-12 paling berdaya saing dari 60 negara yang dinilai. Manakala pada tahun 2013, *ranking* Malaysia di *Global Innovation Index* telah melonjak 7 peratus berbanding tahun 2011 dengan menduduki tangga ke-32 daripada 142 buah negara. Pengiktirafan di peringkat global ini adalah bukti jelas bahawa Kerajaan

telah merencanakan agenda pembangunan negara dengan perancangan yang begitu rapi, efisien dan efektif.

5. Pencapaian di peringkat global ini telah diterjemahkan di peringkat domestik apabila Bank Negara Malaysia baru-baru ini mengumumkan KDNK negara meningkat kukuh kepada 6.2% pada suku tahun pertama 2014. Ia adalah satu pencapaian cemerlang dan menjangkau apa yang diandaikan oleh pakar-pakar ekonomi. Kejayaan ini juga menunjukkan kita berada di landasan yang betul untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

6. Teras bagi mana-mana ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif terletak pada tenaga kerja yang kompetitif, kreatif dan inovatif. Penganjuran Pertandingan Kemahiran Malaysia atau WorldSkills Malaysia seumpama ini adalah selaras dengan usaha kerajaan ke arah melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan bertaraf *world class*. Usaha ini bukan sahaja penting, malah merupakan prasyarat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020

Latarbelakang Pertandingan Kemahiran Malaysia

7. Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) yang dulunya dikenali sebagai Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia (PJKM) adalah merupakan cetusan idea dari mantan Perdana Menteri Malaysia YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad bagi mencungkil bakat belia-belia berkemahiran. PJKM yang pertama telah dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 1990 dengan tumpuan diberikan kepada sebelas bidang kemahiran ketukangan dalam sektor pembinaan. Kini, PKM telah

berkembang selaras dengan kehendak industri dan pertandingan peringkat antarabangsa serta mempertandingkan 25 bidang kemahiran yang meliputi pelbagai aspek.

8. Kemahiran peserta tidak akan meningkat tinggi seandainya tenaga pengajarnya tidak dilatih dan diuji. Oleh itu, Pertandingan MySkills yang khusus kepada pengajar juga telah diperkenalkan mulai 2007 ke arah melahirkan tenaga pengajar yang berkualiti dan kompeten, supaya mampu melatih peserta ke tahap yang lebih cemerlang. Penambahbaikan yang dibuat sepanjang 23 tahun penganjuran PKM ini telah membolehkan negara melahirkan tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang yang diperlukan oleh industri.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Penganjuran PKM

9. Penganjuran PKM ini adalah merupakan acara tahunan yang dianjurkan bersama oleh KKR dan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia sejak 2010. Jalinan kerjasama yang wujud antara KKR dan KSM dalam menganjurkan pertandingan kemahiran ini adalah selaras dengan strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Melalui kerjasama ini, KKR dan KSM tidak lagi menggunakan pendekatan silo dalam merancang dan melaksanakan program-program kemahiran. Malah pendekatan horizontal digunakan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber yang ada dengan cekap dan berkesan bagi mendapatkan *outcome* yang diharapkan.

10. PKM 2014 ini akan mempertandingkan 25 bidang dan 3 bidang pameran. Daripada jumlah tersebut, 16 bidang kemahiran diurusetiaikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), manakala KKR mengurussetiaikan 9 bidang kemahiran yang membabitkan aspek pembinaan. Seramai 225 peserta telah dipilih untuk bertanding di PKM peringkat akhir ini. Pertandingan Kemahiran Malaysia yang diadakan hari ini adalah membabitkan 9 bidang kemahiran berkaitan industri pembinaan. Seramai 109 peserta akan bertanding dalam bidang-bidang kemahiran yang merangkumi bidang *plumbing and heating; joinery; electrical installation; mechanical engineering design; welding, wall and floor tiling; refrigeration and air conditioning; bricklaying* dan *decorative painting*.

11. Saya dimaklumkan bahawa, pertandingan kemahiran yang melibatkan 16 bidang kemahiran dan 3 bidang pameran anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran akan diadakan mulai 12 hingga 18 Jun 2014. Pertandingan yang melibatkan golongan belia dan tenaga pengajar ini akan diadakan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC), Management and Science University (MSU), Kolej Kemahiran Tinggi MARA Balik Pulau dan Universiti Kuala Lumpur (UNIKL). Saya yakin kerjasama erat yang sedia terjalin antara Kementerian Kerja Raya dan KSM ini dapat dipertingkatkan lagi demi kemajuan bidang kemahiran negara di masa akan datang.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Anggaran Keperluan Tenaga Kerja

12. McKinsey Global Institute dalam satu kajiannya telah menyatakan dunia memerlukan tenaga kerja seramai 3.5 bilion menjelang 2030. Kajian tersebut juga menyatakan potensi kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi (*high skilled workers*) di peringkat global adalah dianggarkan berjumlah 28-40 juta orang menjelang 2020. Anggaran kekurangan ini adalah berdasarkan kepada tahap pendidikan kemahiran yang disediakan berbanding dengan permintaan terhadap tenaga kerja mahir.

13. Dalam menuju status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020, Malaysia memerlukan pekerja berkemahiran tinggi sebagai pemangkin kepada usaha-usaha transformasi. Pelaksanaan program transformasi ekonomi negara diunjurkan bagi mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan baru pada tahun 2020. Ke arah merealisasikan hasrat ini, Malaysia perlu menghasilkan 50 peratus tenaga mahir menjelang 2020 bagi menggerak dan membangunkan ekonomi Malaysia yang mampan. Menurut data dari Kementerian Sumber Manusia, pada tahun 2013, negara mempunyai 28 peratus pekerja mahir atau 3.7 juta daripada 13 juta guna tenaga negara. Kementerian Sumber Manusia juga mensasarkan 33 peratus pekerja mahir atau 4.5 juta orang daripada 13.7 juta guna tenaga menjelang tahun 2015. Jelas sekali, keperluan tenaga mahir negara kini berada di landasan yang betul dan saya menyeru agar usaha-usaha bersepadu antara semua kementerian, agensi kerajaan dan institusi latihan awam dan swasta perlu dipergiatkan bagi membolehkan hasrat murni ini dicapai seperti yang dirancangkan.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

**ASEAN Skills Competition (ASC) 2014 dan
World Skills Competition (WSC) 2015**

14. Salah satu matlamat utama penganjuran Pertandingan Kemahiran ini adalah untuk menggilap dan mencungkil bakat kemahiran belia untuk pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa khususnya Pertandingan Kemahiran ASEAN (*ASEAN Skills Competition – ASC*) dan Pertandingan Kemahiran Sedunia (*World Skills Competition – WSC*). ASC ialah pertandingan kemahiran di kalangan negara-negara ASEAN yang bertanding dalam pelbagai bidang kemahiran vokasional untuk diiktiraf sebagai yang terbaik dan unggul di rantau ini. Pertandingan ASC ke-10 akan diadakan dari 19-29 Oktober 2014 di Hanoi, Vietnam. Malaysia akan menghantar 51 peserta yang akan bertanding dalam 25 bidang kemahiran pada pertandingan kali ini. Pemenang-pemenang di ASC ini akan dipertimbangkan untuk mewakili negara di Pertandingan Kemahiran Sedunia yang akan diadakan di Sao Paolo, Brazil, pada bulan Ogos 2015 nanti.

15. Pencapaian Negara dalam ASC adalah membanggakan di mana pada ASC Jakarta 2012 yang lalu, Malaysia telah berjaya meraih 3 pingat emas, 4 pingat perak dan 4 pingat gangsa. Saya menyeru agar semua pihak termasuklah para pakar negara, jurulatih, institusi latihan dan seterusnya peserta negara berusaha keras untuk mendapatkan kejayaan cemerlang dan mengharumkan nama negara di ASC 2014 Hanoi nanti. Kejayaan saudara-saudari sekalian adalah penting dalam memartabatkan latihan kemahiran di kalangan generasi muda di negara ini.

16. Hasrat negara untuk memenangi pingat di WSC masih belum tercapai. Sehubungan dengan itu, Road to WSC Sao Paolo 2015 telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Anugerah Tangan

Emas Perdana Menteri pada bulan Januari yang lalu bagi merancang strategi untuk membawa pulang pingat yang pertama dari WSC nanti. Semoga dengan adanya perancangan yang teliti, strategi yang sesuai serta usaha gigih dari semua pihak, hasrat kita untuk memenangi pingat pertama di WSC akan tercapai.

17. Adalah penting untuk kita meneruskan penyertaan di pertandingan serantau dan antarabangsa, ke arah mencapai tahap kemahiran bertaraf dunia. Penglibatan kita di pertandingan peringkat antarabangsa ini dapat mendedahkan peserta dan pegawai kita kepada teknologi serta teknik kerja dan latihan terkini. Penyertaan para pegawai, jurulatih dan pakar dalam pertandingan seumpama ini juga dapat mewujudkan rangkaian komunikasi dua hala dan pelbagai hala yang dapat dimanfaatkan oleh negara di masa akan datang.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Jalinan Kerjasama Strategik Dengan Syarikat Swasta

18. Kejayaan pelaksanaan sesuatu program memerlukan komitmen dari semua pihak. Beban ini tidak seharusnya dipikul oleh Kerajaan dan institusi latihan semata-mata, malah memerlukan sokongan dan penglibatan syarikat swasta untuk memastikan kejayaannya. Hubungan dan sokongan berterusan oleh pihak swasta dan majikan serta industri khususnya dalam pembangunan latihan kemahiran, perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa agar faedahnya dapat dinikmati bersama.

19. Penglibatan syarikat secara aktif di dalam program latihan sangat penting untuk membantu peserta negara berada pada tahap kompetensi yang maksimum. Di negara Jepun, latihan dijalankan di syarikat seperti

Matsushita dan Toyota, di negara Korea Selatan, syarikat Samsung dan Hyundai sangat aktif dalam menyediakan peserta mereka, manakala di Malaysia syarikat PROTON terlibat secara aktif dalam penajaan bagi pertandingan kemahiran dalam bidang automobil.

20. Dalam hal ini, saya mengalu-alukan penglibatan syarikat-syarikat swasta dalam memberi sumbangan peralatan dan khidmat nasihat kepada KKR dan institusi-institusi latihan untuk menambahbaik pertandingan ini selaras dengan keperluan industri. Kerjasama yang wujud antara KKR dan syarikat-syarikat ini bukan sahaja memberi manfaat kepada Kerajaan dan peserta negara, malah mewujudkan *win-win situation* kepada kedua-dua pihak pada masa akan datang. Saya amat berharap supaya lebih banyak lagi kolaborasi dalam bentuk latihan dan kemahiran dapat diwujudkan antara syarikat swasta dan Kerajaan bagi melahirkan generasi belia yang berkemahiran dan kompeten.

21. Di samping itu, pengaruh liberalisasi juga akan mendorong kita untuk terus berusaha memperkasa dan meningkatkan kapasiti kemahiran belia negara. Penerimaan majikan atau industri terhadap pelatih-pelatih institusi latihan boleh dijadikan kayu pengukur sama ada sesuatu latihan yang dianjurkan menepati dan memenuhi permintaan dan keperluan sebenar di luar sana. Sekiranya pelatih-pelatih ini mampu memenuhi kehendak pasaran, saya yakin penggantungan kepada tenaga kerja asing akan dapat ditangani dan seterusnya menjana peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan. Seiring dengan ini, besarlah harapan saya sekiranya majikan-majikan awam dan swasta menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada pemenang-pemenang PKM, ASC dan WSC di masa akan datang. Pemenang-pemenang ini bukan sahaja mahir, malah mereka adalah yang terbaik dalam sesuatu

bidang dan adalah suatu kerugian kepada industri sekiranya kemahiran yang dimiliki tidak dimanfaatkan sepenuhnya demi kebaikan industri.

22. Selain itu, bagi menyediakan peserta dan suasana pembelajaran yang efektif dan kondusif, KKR telah bekerjasama dengan institusi latihan kemahiran di seluruh negara bagi mewujudkan Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence – CoE*) bagi bidang-bidang di bawah penyeliaan KKR. CoE ini bertindak sebagai peneraju dalam sesuatu bidang yang dikenalpasti dan akan melatih para peserta yang akan mewakili negara dalam pertandingan di peringkat antarabangsa. Dengan adanya CoE ini maka tumpuan dapat diberi kepada bidang-bidang yang khusus dalam menyediakan latihan yang lebih efektif kepada peserta kemahiran yang akan mewakili negara dalam pertandingan antarabangsa. Sebanyak 8 CoE yang melibatkan 7 institusi latihan telah ditubuhkan untuk tujuan ini.

23. Sebagai menghargai sumbangan syarikat-syarikat dan institusi-institusi latihan ini dalam pembangunan latihan kemahiran pembinaan, KKR akan meraikan syarikat-syarikat dan institusi-institusi latihan ini dengan pemberian sijil penghargaan di akhir majlis ini. Semoga dengan adanya majlis seumpama ini akan menarik lebih banyak syarikat swasta untuk tampil memberi sumbangan dan khidmat nasihat demi kemajuan bidang kemahiran negara.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Cadangan Penambahbaikan

24. Kementerian Kerja Raya melalui CIDB akan terus membangunkan kapasiti dan keupayaan para belia tempatan dalam bidang kemahiran

pembinaan untuk memenuhi keperluan industri pembinaan negara. Justeru itu, saya menyeru agar KKR dan CIDB menerokai dan memperkenalkan bidang-bidang kemahiran baru dalam Pertandingan WorldSkills Malaysia pada masa akan datang. Bidang-bidang kemahiran baru ini, walaupun tidak dipertandingkan di peringkat antarabangsa, namun mempunyai permintaan yang tinggi di dalam industri pembinaan negara. Bidang-bidang kemahiran seperti *scaffolding; oil and gas*; dan IBS serta bidang-bidang yang menjurus kepada teknologi mampan dan lestari harus diperkenalkan bagi menyahut permintaan industri pembinaan masa hadapan.

Penutup

25. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia, CIDB, Jabatan Pembangunan Kemahiran, agensi-agensi kerajaan dan penaja-penaja yang telah memberi kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan pertandingan pada kali ini. Sesungguhnya kerjasama yang diberikan ini dapat diterus dan dipertingkatkan demi kemajuan bidang kemahiran negara.

26. Dengan lafaz Bismillahir rahmanirrahim, maka dengan ini saya merasmikan Pertandingan Kemahiran Malaysia ke-23 Tahun 2014.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.